



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

## **MAJLIS PERASMIAN PROJEK FASA KE 2 PEMASANGAN LAMPU JALAN DI TREK JOGGING BERSEBELAHAN SUNGAI PERTAMA, SEBERANG JAYA**

**15 JANUARI 2018 (ISNIN)**

**7.30 MALAM**

**BERTEMPAT DI TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) Dan Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta Api)

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa Dan Kesihatan

**Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee**

Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

.....

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir ke Majlis Perasmian Projek Fasa ke 2 Pemasangan Lampu Jalan di Trek Jogging Bersebelahan Sungai Pertama, Seberang Jaya walaupun ianya diadakan pada waktu malam hari.

Untuk makluman semua, Fasa 1 telah kita adakan pada 18 Oktober 2017 dan dirasmikan dengan jayanya oleh YAB Ketua Menteri sendiri. Di dalam projek yang lepas, MPSP telah membuat pemasangan sebanyak dua puluh (20) batang tiang dan sebelas (11) unit lampu awam jenis konkrit TNB (150watt) di laluan trek jogging sepanjang 626 meter dan terletak diantara Sungai pertama dan parit. Projek itu menelan belanja sebanyak RM60,496.60.

Bagi projek fasa ke dua ini pula, terdapat penambahan sebanyak sebelas (11) batang tiang konkrit dan lapan (8) unit lampu (150watt) telah dipasang dan menelan belanja sebanyak RM42,700.00.

Pemasangan ini terletak di laluan jogging trek sepanjang 328 meter dan projek ini telah siap pada 10 Januari 2018.

Pemasangan lampu awam di laluan trek Jogging bersebelahan dengan Sungai Pertama dan Sungai Derhaka ini merupakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP supaya menyediakan pencahayaan yang secukupnya di kawasan tersebut bagi aktiviti riadah pada waktu awal pagi dan lewat petang atau malam. Ini adalah penting bagi menjamin keselamatan pengguna atau orang awam yang berkunjung dan menjalankan aktiviti riadah di sini.

Selain itu, ia juga memberi faedah langsung kepada penduduk di sekitar Taman Siakap, Taman Chai Leng Park, Taman Senangin, Taman Sembilang, Taman Todak, Bandar Sunway, Taman Sutra dan menarik minat pengunjung dari luar kawasan Seberang Jaya juga untuk beriadah memandangkan keadaan persekitaran yang lebih selamat dan dapat merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*" Seberang Perai.

MPSP mengalu-alukan sebarang bentuk idea atau pendapat yang membina bagi tujuan kebaikan semua pihak terutama kepada penduduk setempat. Semasa perasmian Fasa 1, 18 Oktober 2017, YAB Ketua Menteri telah menerima cadangan daripada penduduk. Cadangan

tersebut telah pun dilaksanakan secara berperingkat. Pendekatan ini menepati inklusif sosial yang diterapkan dalam pengurusan MPSP ketika ini.

Saya juga ingin menyeru kepada seluruh penduduk di Seberang Jaya ini atau pengunjung-pengunjung yang hadir supaya bersama-sama menjaga trek jogging, lampu-lampu awam yang telah dipasang serta semua kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk kebaikan semua. Pelihara diri kita daripada membuat vandalisme atau kerosakan. Yang paling penting jangan membuang sampah di merata-rata tempat, juga meminum minuman keras dan memecahkan botol-botol tersebut di dalam taman. Saya ingin hebahkan bahawa MPSP sedang membuat intipan untuk menangkap mereka yang tidak bertanggungjawab meminum arak di tempat awam dan memecahkan botol-botol tersebut serta merosakkan harta benda awam.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan Dan Puan-puan  
Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin menghebahkan bahawa Promosi Kutipan Cukai Pintu 2018, MPSP menyediakan cenderamata dan cabutan bertuah untuk pembayar cukai yang membayar cukai pintu sepenuhnya tanpa tunggakan sebelum 28 Februari 2018. Sekiranya

MPSP dapat memungut cukai taksiran sepenuhnya, maka lebih banyak kemudahan-kemudahan awam kepada masyarakat dapat disediakan.

Tanggal 15 Januari 2018 genaplah tempoh perkhidmatan saya selama 200 hari sebagai Yang Dipertua MPSP. Saya telah menetapkan 12 Pelan Tindakan untuk direalisasikan dalam tempoh 200 hari dan menjadi Kontrak Sosial YDP dengan rakyat dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Saya akan umumkan kad laporan (report card) pencapaian 12 pelan Tindakan tersebut pada 25 Januari 2018. 12 Pelan Tindakan tersebut adalah:-

1. Pemetongan rumput dan pembersihan longkang diperluaskan di kampung:-
2. Melaksanakan “*Pocket Park*”;
  - a. Menanam 3,000 pokok tecoma
  - b. *Forest Bathing*, Bukit Juru
3. Deraf Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022;
4. Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022;

5. Pengurangan sisa kepada 3% per kapita;
6. *'Bike Friendly Community'*:
  - a. Taman Merbau
  - b. Jalan Perda Barat
  - c. Taman Belatuk
7. Bengkel *up-cycle* untuk *Local Economic Development* (LED);
8. Program “SPICEC 2018” tahun 2018;
9. Kempen Garis Panduan - 'car wash', kedai jualan kereta, 'food truck';
10. Garis Panduan Pemutihan Kilang Haram;
11. Garis Panduan Warisan Seberang Perai;
12. Penggunaan IoT, *'Open Data'*, *'Cloud Computing'* dan GIS ke arah *'Smart Cities'*.

Berdasarkan perubahan expektasi rakyat yang mahukan perkhidmatan yang cemerlang, MPSP telah tampil dengan Pelan Strategi 2018-2022 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2018*.

MPSP sentiasa menjadikan “**Seberang Perai is For All**” sebagai *guiding principal* dalam memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi mencapai “**Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow**”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MPSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

MPSP telah menyenaraikan 85 program dan 201 aktiviti setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, *26 Strategic Programs* dijangka dapat menjadi pemangkin kepada ekonomi digital, kelancaran lalulintas, keselamatan, bandar rendah karbon, resilient, kompetitif dan persekitaran yang bersih .

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan Dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,**

Salah satu aktiviti rendah karbon yang dilaksanakan adalah Program **Car Free Morning** di Seberang Jaya setiap pagi Ahad minggu pertama. Program ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik dan berbasikal di kawasan ini yang melihatkan satu usaha untuk mengurangkan



pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang dapat disertai oleh orang ramai. Saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa program ini akan dikembangkan pula ke Autocity, Juru mulai minggu kedua bulan hadapan. Saya berharap semua warga Seberang Perai akan datang beramai-ramai dan menyokong usaha MPSP ini.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga MPSP yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu sepanjang saya menerajui khidmat saya di MPSP ini.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**